



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBSA	• SHAH ALAM LIFESTYLE HUB INSPIRED BY NATURE
2.	SINAR HARIAN	DBKL MBSA	• SEBAHAGIAN JALAN MASJID INDIA KINI DIBUKA SEMULA • CEGAH RASUAH SEBELUM TERLAMBAT

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• POLICE, JPJ CAN CHECK ROAD TAX VALIDITY DIGITALLY
2.	KOSMO	• BUKAN MANGSA MAHU BANTUAN BENCANA
3.	HARIAN METRO	• KKM DUNA AI KESAN PENYAKIT KANSER • KAD PENGENALAN VERSI BAHARU LEBIH CANGGIH DENGAN CIRI KESELAMATAN • BEKALAN AIR DI SELANGOR BERTAHAN LEBIH 9 BULAN • PROJEK RM90.21 BILION CIPTA 63,912 PELUANG KERJA • INISIATIF BAHARU CETAK CUKAI JALAN FIZIKAL • MYKAD BAKAL BERWAJAH BAHARU, LENGKAP CIRI KESELAMATAN
4.	BERITA HARIAN	• WAKTU KERJA DAN REHAT SEIMBANG ATAS TEKANA, TINGKAT PRODUKTIVITI • WUJUDKAN BADAN PENTADBIR KAWAL SELIA AKTIVITI BERAKIT ARUS DERAS • TRANSFORMASI KERAJAAN DIGITAL: PERANAN JABATAN DIGITAL NEGARA
5.	UTUSAN MALAYSIA	• PPR JADI ASRAMA PEKERJA ASING • MALAYSIA BERDEPAN KRISIS TENAGA BURUH • BELANJAWAN 2025: TERUS PERKASA GOLONGAN BELIA
6.	SINAR HARIAN	• 'SERTA PEMUTIHAN ATAU TANAH DIRAMPAS' • PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA: APA PERLU ANDA TAHU? • MASA DEPAN BEKALAN AIR LEMBAH KLANG

Sebahagian Jalan Masjid India kini dibuka semula ^{1/11/24}

KUALA LUMPUR - Sebahagian Jalan Masjid India di sini yang terlibat dengan insiden tanah jerlus telah dibuka semula kepada orang awam.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi kenyataan pada Rabu memaklumkan laluan yang dibuka termasuk kawasan berhampiran Bit Polis Jalan Masjid India dan lorong antara premis perniagaan berkuat kuasa bermula 10 November lepas.

"Pembukaan ini dibuat setelah kerja-kerja pembaikan dan penyiasatan tanah di kawasan tersebut berjaya diselesaikan.

"DBKL menghargai kesabaran dan kerjasama yang telah diberikan oleh orang ramai

serta pihak berkepentingan sepanjang tempoh kerja ini dijalankan," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DBKL memaklumkan kawasan *ground zero* iaitu lokasi kejadian tanah jerlus berhampiran Wisma Melayu masih ditutup untuk kerja-kerja pembaikan yang giat dijalankan.

"Berdasarkan prestasi kerja di tapak *ground zero* ini dijangka dibuka sepenuhnya menjelang hujung Disember berbanding jangkaan awal pada Februari 2025.

"DBKL komited memastikan kerja-kerja ini dapat diselesaikan dengan selamat dan menyeluruh," menurut kenyataan itu. - *Bernama*

SINAR HARIAN
27 NOV 2024
Tarikh:

'Sertai pemutihan atau tanah dirampas'

SHAH ALAM - Pemilik atau pengusaha terlibat dengan kilang tanpa kebenaran (KTK) perlu sertai pemutihan melalui mengemukakan permohonan tukar syarat kepada perindustrian.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Datuk Ng Suee



NG SUEE LIM

Lim berkata, kegagalan pemilik berbuat demikian boleh menyebabkan tanah mereka dirampas.

"Pemilik tanah yang disenaraikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sebagai lot yang melanggar syarat kerana terdapat struktur kilang di atas tanahnya akan diberikan Notis 7A (seksyen 128) Kanun Tanah Negara (KTN) (Akta 828) untuk pemuliharaan.

"Keingkaran pemilik tanah untuk mematuhi notis tersebut boleh mengakibatkan tanahnya dilucut hak (di-

SIDANG DUN SELANGOR

rampas) dan menjadi tanah kerajaan," katanya pada Sidang Dewan

Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Rabu.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) **Noor Najhan Mohamad Salleh (Pas-Sementa)** mengenai tindakan pihak kerajaan ke atas KTK di tanah pertanian.

Ujarnya, tindakan boleh diambil oleh Pentadbir Tanah di bawah seksyen 127, KTN (Akta 828).

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 NOV 2024

Cegah rasuah sebelum terlambat

MBSA tingkat usaha
kesedaran integriti
kakitangan

Oleh **NOR SYAZRINA
MUHAMAD TAHIR**
SHAH ALAM

Lebih 800 warga kerja menghadiri program Pengukuhan Integriti Penjawat Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bertujuan memupuk kesedaran diri ketika menjalankan tugas.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (#RasuahBusters), Nurhayati Nordin berkata, inisiatif dibawakan MBSA perlu dipuji dan dicontohi pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

"Integriti dalam penjawat awam adalah faktor utama

meningkatkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 10 tahun akan datang.

"Peserta ini adalah barisan hadapan yang berkhidmat antara komuniti dan institusi serta menjadi jambatan penghubung kepada MBSA.

"Seperti semua maklum, penjawat awam merupakan individu penting yang perlu menjalankan amanah dengan penuh dedikasi," katanya ketika ditemui sempena program Sambutan Hari Integriti dan Hari Sumber Manusia di Dewan Bankuet, Wisma MBSA pada Rabu.

Hadir sama, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim; Pemangku Timbalan Datuk Bandar, Madiyan Baweh; Timbalan Setiausaha Pengurusan, Asmah Mohd Zin; Timbalan Setiausaha Pembangunan MBSA, Aniza Osman dan Ahli Majlis MBSA, Tengku Ahmad Tengku Kasim.



Nurhayati (empat dari kanan) dan Mohd Fauzi (empat dari kiri) bersama tetamu ketika Sambutan Hari Integriti dan Hari Sumber Manusia di Wisma MBSA pada Rabu.

Dalam pada itu, Nurhayati berkata, program tersebut memfokuskan nilai teras negara dan MBSA kepada kakitangan terutama ketika bertugas.

"Nilai teras MBSA ada tujuh dan bermula dengan kejujuran atau bermaksud integriti. Penting untuk kita bangunkan penjawat awam yang mempunyai nilai etika tinggi kerana ia bermula dengan karakter diri sendiri," ujarnya.

Mengulas lanjut, nilai teras itu penting kerana merupakan titik permulaan membina negara dan legasi baik untuk masa hadapan.

Berkenaan pengurusan risiko rasuah pula, Nurhayati berkata, ia boleh diuruskan dengan baik jika sesuatu organisasi melakukan kaedah pengurusan risiko budaya.

"Jadi kita beri kesedaran kepada warga MBSA untuk

kenal pasti simptom rasuah sebelum menjadi lebih berat untuk diuruskan.

"Tindakan terhadap rasuah tidak boleh dilakukan seorang diri, perlu ada sistem sokongan kuat dan dibuat secara berkelompok.

"Saya harap sebelum mahu lakukan sesuatu yang tidak elok, berhenti seketika untuk fikir kesannya supaya perkara tidak wajar dapat dielakkan," katanya.

SINAR HARIAN
Tarikh: 21 NOV 2024

Pusat jagaan kanak-kanak di Malaysia: Apa perlu anda tahu?

JKM kongsi panduan pemilihan pusat jagaan demi keselamatan orang tersayang



Tindakan lokatau ditaklukkan Bahagian Perundangan & Penguatkuasaan JKM ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar.

Hai semua! Dalam dunia yang serba sibuk ini, ramai ibu bapa dan anak-anak mencari pusat jagaan yang sesuai untuk orang di bawah jagaan mereka. Tetapi apa yang sebenarnya anda perlu tahu tentang pusat jagaan di Malaysia?

Artikel ini akan membincangkan segala-galanya yang anda perlu tahu daripada jenis pusat jagaan yang ada sehingga tips untuk memilih pusat jagaan terbaik.

Sama ada anda seorang ibu bapa yang sedang mencari tempat yang selamat untuk anak-anak, atau seorang individu yang mahu mengetahui dengan lebih lanjut tentang tempat jagaan bagi orang di bawah jagaan, mari kita terokai bersama-sama!

Di Malaysia, terdapat beberapa jenis pusat jagaan yang boleh dipilih, bergantung kepada keperluan dan umur anak-anak anda.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata, menurut Seksyen 2, Akta 506 iaitu Akta Pusat Jagaan 1993 mentafsirkan jagaan adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan.

Menurutnya, pusat jagaan pula bererti Pusat Jagaan Berkediaman iaitu mana-mana premis yang menerima empat orang atau lebih untuk jagaan sebagai penghuni didalamnya, sama ada menerima upah atau selainya.

"Pusat Jagaan Harian pula bermaksud premis yang menerima empat orang atau lebih untuk jagaan selama tempoh yang berterusan melebihi tiga jam sehari, sekurang-kurangnya tiga hari seminggu, sama ada menerima upah atau selainya.

"Pusat Jagaan Berdaftar merupakan suatu pusat jagaan yang didaftarkan di bawah Seksyen 6 Akta 506. Terdapat juga beberapa jenis pusat jagaan lain yang iaitu pusat jagaan warga emas, dan pusat jagaan orang kurang upaya (OKU)," kata Che Murad menerusi satu kenyataan.

Peraturan dan undang-undang berkaitan

Di Malaysia, terdapat beberapa peraturan dan akta yang mengawal pusat jagaan untuk memastikan keselamatan dan kualiti penjagaan. Berikut adalah beberapa perkara penting antaranya:

▶ Akta Kanak-Kanak 2001:

- Akta ini menetapkan garis panduan umum untuk melindungi kanak-kanak daripada penderaan dan pengabaian. Ia juga memastikan pusat jagaan mematuhi standard keselamatan dan kebajikan yang ditetapkan.

▶ Akta Pusat Jagaan 1993:

- Akta ini memberikan peraturan khusus mengenai pengurusan pusat jagaan.
- Pusat jagaan perlu mendapatkan lesen perakuan dari JKM dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk operasi yang selamat dan berkualiti.

▶ Peraturan - Peraturan Pusat Jagaan 1994:

- Peraturan ini merangkumi aspek-aspek penting seperti pengoperasiannya mematuhi standard keselamatan, kebersihan dan kualiti penjagaan yang telah ditetapkan.
- Peraturan ini memberikan butiran lanjut tentang keperluan yang perlu dipatuhi oleh pusat jagaan untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan penghuni.

Sementara itu, menurut JKM, pemilihan pusat jagaan yang sesuai kepada mereka memerlukan perkhidmatan berkenaan boleh menjadi satu tugas mencabar.

"Ada beberapa tips untuk membantu anda membuat keputusan yang tepat seperti semak lesen dan pendaftaran, kunjungi pusat jagaan, tanya tentang latihan pengasuh, semak ulasan dan maklum balas serta periksa program dan aktiviti.

"Pusat jagaan biasanya menawarkan pelbagai aktiviti untuk penghuni di dalam jagaannya tidak hanya dijaga tetapi terlibat dalam pembelajaran, aspek kesihatan dan permainan serta pemulihan," tambah JKM.

Berikut adalah beberapa aktiviti yang biasanya ditawarkan di pusat jagaan di Malaysia:

▶ Aktiviti Kreatif

- Aktiviti seperti melukis, mewarna dan membuat kraf tangan boleh merangsang kreativiti dan kemahiran motor halus kanak-kanak.

▶ Permainan Fizikal

- Permainan seperti berlari, melompat dan bermain di taman permainan membantu dalam perkembangan fizikal dan koordinasi motor.

▶ Pembelajaran Interaktif

- Aktiviti seperti membaca buku, bermain permainan pendidikan dan aktiviti bertema boleh membantu dalam perkembangan kognitif dan bahasa.

▶ Aktiviti Sosial

- Aktiviti berkumpul dan permainan bersama rakan-rakan membantu kanak-kanak belajar tentang kerjasama dan interaksi sosial.

Walaupun banyak pusat jagaan beroperasi dengan baik, ada beberapa cabaran yang mungkin dihadapi antaranya kekurangan pengasuh berkecuali, isu keselamatan dan kebersihan serta kos penjagaan.

Sementara itu, untuk mengatasi cabaran ini, beberapa langkah boleh diambil antaranya pemantauan lebih ketat, latihan dan pendidikan berterusan serta sokongan kepada ibu bapa.

Selain pusat jagaan konvensional, ada beberapa pilihan alternatif yang boleh dipertimbangkan iaitu perkhidmatan jagaan di rumah dan pengasuh peribadi.

Fahami jenis pusat jagaan

Menurut JKM, memasuki pusat jagaan boleh menjadi pengalaman yang baharu dan mungkin timbul sedikit perasaan bimbang bagi mereka berada di dalam jagaan anda.

"Ini adalah kerana perubahan persekitaran mereka boleh memberi kesan kepada emosi dan tingkah laku.

"Dalam usaha merendahkan risiko penolakan, beberapa cara untuk membantu anak-anak di dalam jagaan anda menyesuaikan diri antaranya perkenalkan secara perlahan, bincang dengan anak-anak di dalam jagaan, kekalkan rutin dan berikan sokongan emosi," tambah JKM.

Kesimpulannya, pusat jagaan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masa kini.

Ia merupakan satu sumber sokongan kepada sistem persekitaran keluarga di Malaysia.

Berdasarkan dengan memahami jenis pusat jagaan yang ada, akta dan peraturan yang berkaitan serta mengikuti tips untuk memilih yang terbaik, anda boleh memastikan anak-anak di dalam jagaan anda mendapat penjagaan yang berkualiti dan selamat.

Pastikan untuk sentiasa melakukan penyelidikan dan memantau pusat jagaan yang anda pilih untuk mengekalkan pusat jagaan berkenaan memenuhi standard yang diperlukan.



Masa depan bekalan air Lembah Klang

Inisiatif penjimatan air perlu sokongan pengguna

Oleh: HIDAYAH HAIROM

Kita sering diingatkan tentang pentingnya menabung untuk masa depan serta berjimat cermat sebagai persediaan menghadapi situasi kecemasan.

Selain itu, tip berjimat cermat dalam perbelanjaan juga memainkan peranan kerana pengurusan kewangan begitu penting dalam kehidupan hari ini.

Tetapi, bagaimana pula dengan keperluan paling asas, iaitu sumber air bersih?

Berapa ramai di antara kita yang benar-benar mengutamakan penjimatan air demi keperluan masa depan?

Lebih-lebih lagi bagi pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mempunyai kebergantungan tinggi terhadap sumber air terawat untuk menjalani rutin harian.

Bahkan, kepesatan pembangunan yang sedang berlaku turut memberikan kesan langsung terhadap kadar penggunaan sumber air yang dikongsi bersama.

Untuk pengetahuan umum, purata penggunaan air domestik pada tahun 2023 di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah 241 liter per kapita sehari (LCD) seperti yang dilaporkan di dalam laporan Penggunaan Air Domestik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Penggunaan ini ternyata lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara Asia lain seperti Singapura (151 LCD), Thailand (193 LCD) dan China (179 LCD).

Mengambil kira faktor tersebut, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), penyedia perkhidmatan air terbesar di Malaysia yang memberi perkhidmatan kepada lebih 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, kini mempergiatkan usahanya untuk menggalakkan pemuliharaan air dalam operasi dan infrastrukturnya.

Salah satunya adalah dengan menggalakkan pemasangan bidal air bagi membantu pengguna menjimatkan sehingga 20 peratus penggunaan air apabila dipasang di semua peralatan air.

Bidal air ini diedarkan secara percuma oleh Air Selangor yang turut mengadakan demonstrasi ringkas dan memberi taklimat mengenai penggunaannya menerusi pelbagai aktiviti libat urus bersama-sama segenap lapisan masyarakat dan komuniti.

Selain itu, Air Selangor juga melaksanakan penggantian pili air di masjid kepada pili cekap air sebagai langkah untuk mengurangkan pembaziran air.

Program tersebut juga bertujuan memastikan pemuliharaan air diamalkan menerusi pendekatan yang lebih holistik.

200 juta liter air fizikal hilang setiap tahun

Inisiatif penjimatan air tidak akan bermakna tanpa penambahbaikan infrastruktur yang merupakan



Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali (dua dari kiri) ketika menghadiri satu program penggantian pili cekap air di masjid.

komponen utama dalam penyaluran sumber air kepada pengguna.

Berdasarkan data Air Selangor, kira-kira 200 juta liter air fizikal hilang setiap tahun disebabkan oleh keadaan aset yang semakin merosot.

Untuk perbandingan, jumlah kehilangan tersebut mampu menampung penggunaan 80,000 tangki rumah dengan kapasiti 2,500 liter setiap satu, sekali gus menjadi kerugian besar terhadap sumber air yang sepatutnya dinikmati rakyat.

Oleh itu, peningkatan usaha dalam penggantian paip serta pengesanan kebocoran adalah penting untuk mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil (NRW). Di bawah program NRW, tiga komponen utama dilaksanakan iaitu program penggantian paip, strategi pengurangan kerugian fizikal dan pengurangan kerugian komersial.

Sehubungan itu juga, Air Selangor akan mempertingkatkan usahanya dengan menggandakan usaha penggantian paip daripada 150 kilometer (km) setahun kepada 300 km setahun bermula dari 2024, dan 400 km setahun mulai 2034 dan seterusnya.

Ini selari dengan sasaran Air Selangor untuk mengurangkan kadar NRW pada kadar 27.5 peratus menjelang 2025 dan seterusnya kepada 25 peratus menjelang 2030.

Namun, setiap usaha yang dilakukan Air Selangor pastinya tidak akan bermakna tanpa sokongan dan kesedaran para pengguna. Justeru, usaha penjimatan air yang menjadi sumber penting untuk kehidupan merupakan tanggungjawab setiap lapisan masyarakat.

Ini bagi memastikan generasi akan datang dapat menikmati sumber bekalan air yang mampan.

Rebut peluang menangi dana RM15,000

Oleh yang demikian, bagi mewujudkan kesedaran terhadap pemuliharaan air khususnya dalam golongan kanak-kanak, Air Selangor bekerjasama dengan jenama animasi tempatan 'BoBoiBoy' melalui Animonsta Studios (MONSTA) bagi melancarkan peraduan bertemakan 'Peraduan Misi Jimat Air Bersama BoBoiBoy'.

Peraduan tersebut terbuka kepada semua sekolah rendah di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, dengan penglibatan murid berumur tujuh hingga 12 tahun.

Inisiatif tersebut bertujuan mendidik amalan pemuliharaan air melalui animasi dan cerita kanak-kanak secara berterusan.

Peserta dikehendaki berkongsi pendapat mereka tentang perubahan iklim secara kreatif menerusi video.

Pemenang berpeluang muncul dalam video pendek Air Selangor x BoBoiBoy dan menerima dana bernilai sehingga RM15,000 untuk mencantikan kawasan sekolah mengikut permintaan yang disenaraikan.

Inisiatif penjimatan air oleh Air Selangor:

1. Penglibatan komuniti: Memperkasa individu dengan pengetahuan serta alat praktikal untuk mengurangkan pembaziran air dalam kehidupan seharian, sambil mempromosikan budaya pemuliharaan dan memastikan kelestarian sumber air.

2. Mempromosi bidal air: Bidal air diedarkan secara percuma disertai dengan demonstrasi ringkas tentang cara menggunakan alat tersebut di rumah.

3. Penggantian pili cekap air di masjid: Bagi mengurangkan pembaziran air dan memastikan pemuliharaan air diamalkan secara holistik, termasuk tempat ibadat.

4. Program kesedaran di sekolah dan universiti: Bekerjasama dengan institusi pendidikan melalui program jangka pendek dan panjang untuk menyemai kesedaran mengenai kepentingan penggunaan air yang mampan dalam kalangan generasi muda.

5. Perkongsian & kerjasama: Bekerjasama dengan agensi seperti Perbadanan Putrajaya dan Hospital Sungai Buloh dengan menyediakan data tentang penggunaan air untuk menyokong program dan inisiatif pemuliharaan alam sekitar.

6. Buku Panduan Air: Menerbitkan Buku Panduan Air dengan kerjasama antara pakar di Air Selangor dan ahli akademik dari Universiti Malaya untuk menggalakkan penggunaan air secara mampan dalam kalangan rakyat Malaysia.

PERADUAN MISI JIMAT AIR BERSAMA BOBOI BOY

kini dilanjutkan hingga 3 Disember 2024!

Hanya rakam dan hantar video kreatif anda untuk peluang memenangi hadiah wang tunai bernilai sehingga RM15,000 bagi mencantikan sekolah anda dan video anda akan ditayangkan dalam eplend khas Air Selangor x BoBoiBoy

Untuk info lanjut layari: www.aiselangor.com/aiselangorxboiboiboy

SYARAT-SYARAT PERADUAN:

- Terbuka kepada sekolah rendah di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- Penyertaan murid berumur 7-12 tahun.
- Peserta perlu kongsi pendapat mengenai perubahan iklim menerusi rakaman video secara kreatif.
- Hantar video melalui platform media sosial dengan tag Air Selangor atau menggunakan tanda pagar #AirSelangor #AirSelangorXBoBoiBoy #MisiJimatAirBersamaBoBoiBoy.
- Serahkan video sebelum 3 Disember 2024.
- Layari www.aiselangor.com/aiselangorxboiboiboy untuk maklumat lanjut.

SINAR HARIAN

Tarikh: 21 NOV 2024

Waktu kerja dan rehat seimbang atasi tekanan, tingkat produktiviti

Syed Azman
Syed Ismail,
Pelajar
Pascasiswazah,
Universiti
Kebangsaan
Malaysia

Keseimbangan hidup dan kerja isu semakin mendapat perhatian di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Penekanan terhadap keseimbangan ini amat wajar memandangkan ia memberi kesan langsung kepada kesejahteraan individu, masyarakat serta produktiviti organisasi.

Dalam kehidupan dunia serba pantas hari ini, kecenderungan individu mengutamakan kerja tanpa mengambil kira masa untuk berehat dan melakukan aktiviti peribadi boleh membawa kesan negatif. Kajian menunjukkan bekerja terlalu lama tanpa waktu rehat mencukupi boleh menyebabkan tekanan dan keletihan, sekali gus menjejaskan kesihatan individu serta kualiti kerja.

Budaya kerja yang menyokong keseimbangan ini perlu diterapkan secara meluas dalam organisasi. Dasar progresif seperti waktu kerja fleksibel, peluang bekerja di rumah dan galakan mengambil cuti tahunan kini semakin diamalkan adalah langkah memberi manfaat.

Dasar ini bukan sahaja membantu pekerja mencapai keseimbangan, malah membolehkan mereka meluangkan masa melakukan aktiviti bermakna bersama keluarga atau memenuhi keinginan hobi.

Selain itu, memastikan tugas diberi majikan bersesuaian kapasiti pekerja menjadi kunci kepada produktiviti. Pekerja diberikan masa rehat secukupnya serta had waktu kerja jelas dapat kembali bekerja dengan lebih fokus dan bersemangat. Ini membantu mengurangkan tekanan kerja sering menjadi punca keletihan dan kelesuan.

Namun, di sebalik usaha meningkatkan produktiviti, ramai pekerja menghadapi tekanan tersembunyi dikenali sebagai tekanan berterusan. Ia keadaan seseorang kelihatan produktif, tetapi sebenarnya menghadapi tekanan berterusan. Individu dengan tekanan ini sering mengabaikan keperluan rehat kerana mereka kelihatan mampu mengatasi beban kerja.

Namun, tanpa disedari tekanan itu boleh membawa kepada risiko masalah kesihatan serius seperti hipertensi atau penyakit jantung. Jika tidak ditangani, perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan, malah boleh merosakkan

hubungan peribadi dan menjejaskan kualiti hidup. Justeru, kesedaran mengenai tekanan ini perlu didekahkan kepada pekerja dan organisasi.

Dasar bekerja enam jam sehari

Keseimbangan bekerja dan berehat ini bukan sesuatu yang mudah dicapai, terutama bagi sektor pekerjaan menuntut waktu kerja panjang. Bagaimanapun, inspirasi boleh diambil dari beberapa negara maju seperti Sweden yang berjaya melaksanakan dasar waktu bekerja enam jam sehari.

Dasar ini menunjukkan peningkatan kepuasan pekerja serta produktiviti lebih tinggi tanpa menjejaskan prestasi organisasi. Model seperti ini boleh dijadikan rujukan untuk memperluaskan amalan kerja fleksibel di Malaysia.

Pekerja juga memegang peranan penting dalam mencapai keseimbangan hidup dan kerja. Dengan mengurus masa secara bijak dan membabitkan diri dalam aktiviti menyegarkan minda seperti

bersukan atau membaca, keseimbangan antara rehat dan bekerja ini boleh dicapai.

Keseimbangan bekerja dan berehat ini menyokong hubungan sosial lebih kukuh. Dengan memberikan ruang untuk kehidupan peribadi sihat, individu bukan sahaja dapat menjadi pekerja lebih produktif, tetapi juga menjadi ahli keluarga dan anggota masyarakat lebih baik.

Mengamalkan cara hidup seimbang antara kerja dan berehat membawa manfaat besar kepada individu serta organisasi. Peningkatan inovasi, produktiviti dan kepuasan kerja adalah hasil langsung daripada budaya kerja menghargai keseimbangan ini. Oleh itu, kerjasama individu, organisasi dan masyarakat adalah penting untuk memastikan amalan ini terus diterapkan.

Keseimbangan hidup dan kerja adalah asas kepada kehidupan harmoni. Dengan langkah proaktif, kita boleh mencipta persekitaran kerja lebih positif, produktif dan bermakna.



Memanfaatkan masa terluang beriadah bersama keluarga boleh mengurangkan tekanan akibat bekerja terlalu lama tanpa rehat. (Foto hiasan)

Wujudkan badan pentadbir kawal selia aktiviti berakit arus deras

• Kegagalan menilai keadaan semasa seperti cuaca, arus sungai dan kemampuan peserta sering menjadi punca utama, selain kecuaian sesetengah penyedia perkhidmatan tidak mematuhi SOP

• Penyedia perkhidmatan perlu mematuhi SOP, termasuk mengehadkan jumlah peserta, memastikan mereka memahami risiko dan memberi taklimat keselamatan sebelum aktiviti bermula



Oleh Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff dan Prof Madya Dr Mazuki Mohd Yasim
bhrencana@bh.com.my



Md Amin ialah Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), manakala Mazuki Pengarah Pusat Kokurikulum UPSI

Musim monsun adalah kurniaan alam membawa hujan lebat membantu menyuburkan tanaman, mengisi empangan dan menyejukkan bumi tetapi ia juga membawa cabaran besar, terutama kepada aktiviti manusia.

Di negara tropika seperti Malaysia, hujan berterusan dari November hingga April sering mengundang risiko, terutama kepada aktiviti lasak seperti berakit arus deras (*water rafting*). Dengan taburan hujan tinggi, sungai dahulunya tenang bertukar menjadi arus deras liar dan berbahaya.

Menurut Jabatan Meteorologi (Met-Malaysia), taburan hujan di Kampar dianggarkan mencecah 240-360 milimeter pada November hingga April. Jumlah ini cukup untuk meningkatkan paras air sungai secara mendadak, menjadikan arus lebih deras, gelombang lebih besar dan halangan semula jadi lebih sukar diramal.

Tanpa langkah keselamatan dan persediaan mencukupi, perubahan kecil ini boleh bertukar menjadi ancaman maut. Tragedi di Sungai Jahang, Gopeng, baru-baru ini menjadi bukti jelas bahayanya situasi ini jika risiko tidak diurus baik. Insiden tragik itu meragut tiga nyawa ketika program bina semangat membabitkan aktiviti berakit arus deras.

Sungai menjadi lokasi insiden ini bukanlah dilanda kepala air seperti disangka, tetapi peningkatan taburan hujan luar biasa pada November menjadikan aliran air lebih ganas dan mencabar. Aktiviti bertujuan merapatkan hubungan sesama manusia akhirnya bertukar menjadi pengalaman penuh kesedihan dan kehilangan.

Insiden ini bukan pertama kali berlaku, tetapi ia sepatutnya menjadi titik peringatan kepada semua pihak penyedia perkhidmatan, penganjur program serta pihak berkuasa bahawa keselamatan perlu menjadi keutamaan. Jika langkah

berjaga-jaga diabaikan, nyawa peserta dan kepercayaan terhadap keselamatan industri ini akan terkorban.

Berakit arus deras semakin mendapat tempat sebagai antara tarikan utama dalam industri ekopelancongan. Ia bukan sahaja menawarkan pengalaman unik kepada pencinta alam dan penggemar cabaran, bahkan medium pembinaan diri serta pengukuhan kerjasama peserta.

Kebelakangan ini, jumlah kemalangan membabitkan aktiviti berakit arus deras semakin meningkat, mendedahkan kelemahan ketara dalam pengurusan risiko.

Kegagalan menilai keadaan semasa seperti cuaca, arus sungai dan kemampuan peserta sering menjadi punca utama, selain kecuaian sesetengah penyedia perkhidmatan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Jika situasi ini dibiarkan, ia bukan sahaja menjejaskan imej Malaysia sebagai destinasi ekopelancongan, bahkan meninggalkan kesan trauma berpanjangan kepada peserta dan keluarga mangsa.

Usaha bina keyakinan pelancong

Penyedia perkhidmatan berakit arus deras bertanggungjawab memastikan keselamatan peserta. Kejadian malang mungkin dapat dielakkan jika beberapa langkah asas dipatuhi.

• Pertama, penyelenggaraan peralatan. Semua peralatan seperti jaket keselamatan, topi keselamatan dan rakit perlu memenuhi piawaian keselamatan tertentu. Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala wajib dilakukan untuk memastikan peralatan berada dalam keadaan baik.

• Kedua, ramalan cuaca sebagai panduan. Pihak penyedia mesti peka dan menjadikan ramalan kaji cuaca serta taburan hujan MetMalaysia sebagai panduan wajib sebelum memulakan aktiviti. Jika ada tanda hujan lebat atau peningkatan paras air, aktiviti berakit mesti ditangguhkan.

• Ketiga, latihan dan daya saing jurupandu. Semua jurupandu perlu melalui latihan merangkumi kemahiran mengendalikan raft, bantuan kecemasan, pengurusan risiko dan kemahiran membuat keputusan serta pertimbangan tepat. Tanpa daya saing kukuh, mereka bukan sahaja membahayakan nyawa peserta, bahkan mereka sendiri.

• Keempat, pematuan ketat kepada SOP. Penyedia perkhidmatan perlu mematuhi SOP, termasuk mengehadkan jumlah peserta, memastikan mereka memahami risiko dan memberi taklimat keselamatan sebelum aktiviti bermula.

Dalam usaha menjamin keselamatan, tiba masanya kerajaan mewujudkan badan pentadbir bertanggungjawab mengawal selia aktiviti berakit arus deras di negara ini.

Badan ini bertanggungjawab mengawal kualiti pelaksanaan aktiviti berakit dengan memastikan setiap penyedia perkhidmatan mematuhi standard keselamatan.

Ia turut menetapkan kurikulum latihan wajib untuk jurupandu berakit, termasuk aspek pengendalian, penyelamatan dan pengurusan risiko.

Bagi mengawal kualiti perkhidmatan, badan ini juga perlu menjalankan audit berkala terhadap semua penyedia perkhidmatan bagi memastikan kepatuhan terhadap SOP.

Langkah ini bukan sahaja dapat memastikan hanya jurupandu dan penyedia perkhidmatan kompeten dibenarkan beroperasi, bahkan membina keyakinan pelancong terhadap keselamatan aktiviti lasak ini.

Tragedi meragut nyawa bukan sahaja meninggalkan kesan emosi kepada keluarga mangsa, bahkan memberi impak besar kepada industri ekopelancongan.

Di Gopeng, yang terkenal dengan pelbagai produk pelancongan lasak, kejadian seperti ini boleh menjejaskan kepercayaan pelancong untuk kembali.

Jika aktiviti berakit dianggap terlalu berbahaya, pelancong mungkin akan mencari destinasi lain lebih selamat. Komuniti setempat bergantung kepada pendapatan daripada pelancongan ini juga akan terjejas. Malah, syarikat dan penyedia perkhidmatan mematuhi SOP turut akan terkesan apabila keseluruhan imej industri dipandang negatif.

Oleh itu, komuniti penyedia perkhidmatan berakit di Gopeng perlu bersatu dan mengambil langkah drastik meningkatkan standard operasi mereka. Tragedi di Gopeng adalah pengajaran pahit, tetapi membuka peluang melakukan perubahan besar dalam pengurusan aktiviti lasak seperti berakit arus deras.

Kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), penyedia perkhidmatan dan komuniti setempat perlu bekerjasama memastikan keselamatan peserta.

Dengan pendekatan sistematik dan bertanggungjawab, industri ini bukan sahaja boleh terus berkembang, bahkan menjadi contoh kepada pengurusan ekopelancongan selamat dan berkualiti.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Akademi Rekreasi Luaran dan Cabaran Kepemimpinan (AURORA) sendiri bersedia membantu kerajaan dan PBT bagi merealisasikan penstrukturan semula kawal selia berkaitan pengurusan berakit arus deras.

Dengan kepakaran dalam bidang kepimpinan pengembaraan dan rekreasi luar, akademi ini dapat menjadi rakan strategik dalam membangunkan garis panduan, modul latihan dan piawaian keselamatan baharu yang sesuai dengan keperluan semasa.



Transformasi kerajaan digital: Peranan Jabatan Digital Negara

Pacu perubahan landskap pendigitalan sektor awam Malaysia

Permintaan global terhadap teknologi digital memaksa Malaysia untuk membina daya tahan dan daya saing digital bagi meningkatkan kedudukan negara di peringkat antarabangsa.

Pencapaian Malaysia dalam aspek daya saing digital, yang berperanan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dinilai melalui beberapa indeks antarabangsa. Antaranya ialah *Online Service Index (OSI)* dan *Open Government Development Index (OGDI)* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), serta *GovTech Maturity Index (GTMI)* oleh Bank Dunia.

Pada 2023, Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai negara dengan kategori *Very High* dalam ketiga-tiga penilaian ini.

Pencapaian ini jelas membuktikan, pendigitalan memainkan peranan penting dalam pembangunan negara sekali gus memperkukuhkan daya saing Malaysia di arena global. Untuk itu, Jabatan Digital Negara (JDN) dilihat memainkan peranan penting dalam memacu perubahan landskap pendigitalan di sektor awam Malaysia.

Merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Digital, JDN diamanahkan untuk meneraju transformasi digital selaras dengan hasrat Kementerian ke arah pembangunan Negara Digital.

Dari segi sejarah penubuhan, JDN asalnya dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sejajar dengan rombakan Kabinet pada 12 Disember 2023, JDN disusun semula di bawah Kementerian Digital susulan daripada pemecahan Kementerian Komunikasi dan Digital kepada dua kementerian yang berbeza.

Perubahan ini bertujuan memfokuskan kepada transformasi digital sektor awam, memperkukuh inovasi digital dan mempercepatkan pembangunan pendigitalan di Malaysia, di mana JDN kini berperanan penting dalam menyumbang ke arah pembentukan masa depan digital negara.

Sebagai peneraju kepada pembangunan kerajaan digital, JDN menetapkan visi jabatan sebagai

Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Negara Digital.

Ia bertujuan membina ekosistem kerajaan digital yang inovatif, inklusif dan mesra rakyat, sekali gus menyokong pembangunan Malaysia sebagai negara digital yang maju.

Visi ini juga menekankan keterangkuman digital serta keutuhan keselamatan siber dalam memperkasakan perkhidmatan kerajaan ke arah masa depan digital yang lebih dinamik dan berdaya saing.

Melalui visi sebegini, JDN menetapkan fungsi utama agensi iaitu sebagai peneraju kepada pembangunan kerajaan digital dalam sektor awam.

JDN berfungsi menyelaras dan membangunkan tatakelola perolehan dan pengurusan projek pendigitalan kerajaan, meneraju transformasi perkhidmatan digital berdasarkan pendekatan *Whole of Government (WoG)* mengikut sektor perkhidmatan.

Selain itu, JDN juga meneraju pembangunan dan pelaksanaan perkhidmatan digital supaya merentas agensi sektor awam serta merancang dan menyelaras maklumat strategik dan analitik.

JDN juga memimpin pelaksanaan perkhidmatan infrastruktur digital yang merentas agensi kerajaan dan meneraju perancangan serta pembangunan kompetensi bagi pegawai Perkhidmatan Sistem Maklumat.

Seterusnya, JDN juga terlibat dalam memberikan khidmat runding dan nasihat teknikal berkaitan penggunaan teknologi digital dalam transformasi perkhidmatan awam dan melaksanakan pembudayaan teknologi

dalam perkhidmatan digital.

Bagi memantapkan peranan JDN sebagai peneraju kerajaan digital, JDN membangunkan pelbagai inisiatif seperti Gerbang Perkhidmatan Digital Bersepadu, Anjakan Strategi Digital First, perkhidmatan guna sama kerajaan seperti talian MyGovNet, MyGovCloud@PDSA (pusat data dan pengkomputeran awan), MyGovUC (*unified communication*) dan MyGPKI (keselamatan maklumat) dan sebagainya.

Perkasakan infrastruktur

Pembangunan inisiatif sebegini adalah selari dengan usaha JDN memperkasakan infrastruktur digital dan ICT serta memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan secara dalam talian. Selanjutnya, perkhidmatan JDN boleh dirujuk di pautan <https://www.jdn.gov.my>.

Daripada segi pencapaian semasa JDN, dalam tempoh Januari hingga Jun 2024, sebanyak 279 sesi khidmat runding dan nasihat teknikal diberikan kepada agensi sektor awam, dengan penjiat kos RM3.69 juta.

Khidmat runding dan nasihat teknikal ini meliputi pelbagai trek, termasuk teknikal, pembangunan sistem serta strategi.

Inisiatif ini bukan sahaja membantu memperkukuh keupayaan digital agensi kerajaan, tetapi juga menjana penjiat yang signifikan, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi sektor awam dalam era digital dan memartabatkan bakat dalaman di sektor awam.

Selain daripada khidmat runding, pelaksanaan perkhidmatan gunasama kerajaan seperti penggunaan talian MyGovNet, MyGo-

Sebagai peneraju pembangunan kerajaan digital, JDN menetapkan visi jabatan sebagai Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Negara Digital

Ts Dr Fazidah Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara



vCloud@PDSA, MyGovUC dan MyGPKI yang disediakan oleh JDN telah menghasilkan penjiat kumulatif yang amat signifikan.

Perkhidmatan guna sama merupakan perkhidmatan yang diuruskan secara berpusat di JDN. Dari 2018 hingga Jun 2024, perkhidmatan ini berjaya menjimatkan sebanyak RM3.2 bilion.

Inisiatif ini memperkukuhkan lagi keberkesanan penggunaan sumber digital di sektor awam, memastikan integrasi yang lebih baik antara agensi kerajaan sambil mengurangkan kos operasi.

Penjiat ini juga mencerminkan kejayaan strategi digital JDN dalam memperkasakan pentadbiran awam melalui pendigitalan dan penggunaan sumber secara

bersepadu dan berpusat di JDN.

Pencapaian JDN juga terserlah melalui penyediaan platform bersepadu yang merangkumi pengurusan data, aplikasi generik dan gerbang perkhidmatan digital kerajaan.

Platform ini mengintegrasikan fungsi penting kerajaan, memudahkan perkongsian data dan aplikasi di antara agensi, serta menyediakan akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan digital bagi rakyat.

Dengan pengurusan data lebih cekap, aplikasi generik yang boleh digunakan merentas sektor, dan gerbang digital yang memuaskan pelbagai perkhidmatan kerajaan, JDN memperkukuhkan ekosistem digital kerajaan, meningkatkan keberkesanan operasi dan penyampaian perkhidmatan.

JDN menyasarkan untuk mencipta ekosistem digital yang inklusif memodenkan perkhidmatan digital kerajaan, serta memastikan tiada kompromi dalam aspek keselamatan siber yang kukuh bagi masa depan digital Malaysia.

Transformasi ini diharap dapat menambah baik perkhidmatan digital yang ditawarkan kepada rakyat serta meningkatkan tahap keyakinan rakyat berurusan dalam talian, seiring dengan aspirasi digital negara.


Kesimpulannya, dengan penubuhan JDN dapat memperkukuh usaha pendigitalan di peringkat sektor awam melalui penyelarasan dan pelaksanaan strategi yang menyeluruh.

Jabatan ini memainkan peranan untuk memimpin transformasi perkhidmatan digital dengan pendekatan *Whole of Government*, memastikan kolaborasi antara agensi serta pengembangan perkhidmatan yang efisien dan inovatif dalam menyokong usaha berterusan kerajaan melaksanakan agenda reformasi perkhidmatan awam.

Dengan memberi tumpuan kepada pembudayaan teknologi, khidmat runding, perkhidmatan gunasama dan pembangunan kompetensi, JDN berperanan penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan awam yang bersepadu, tangkas, cerdas dan selamat dalam usaha memastikan negara bersedia menghadapi cabaran digital masa depan.

Ini seterusnya dapat mempercepat pencapaian visi negara yang lebih berdaya saing dan inklusif dalam era digital sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Oleh Ts Dr Fazidah Abu Bakar
Penulis adalah Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara



KKM guna AI kesan penyakit kanser

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) sedang merancang untuk menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi membantu mengesan penyakit terutamanya berkaitan kanser.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya ketika ini sedang melaksanakan kajian menggunakan teknologi itu bersama Bahagian Penilaian Teknologi Kesihatan Malaysia (MaHTAS) iaitu seksyen di bahagian Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian Kesihatan (KKM).

Jelasnya, kerjasama itu melibatkan saringan kanser paru-paru menggunakan teknologi AI.

DEWAN RAKYAT

"Kajian ini menilai keberkesanan AI dalam membantu pakar perubatan radiologi mengesan kanser paru-paru melalui penggunaan sinar-X dada.

"Kajian ini turut mencadangkan bahawa teknologi AI dapat menjadi 'mata kedua' (second reader) untuk membantu pengesanan modul paru-paru dengan lebih tepat dan lebih awal.

"Dapatan kajian menunjuk-

kan, penggunaan algoritma AI meningkatkan sensitiviti dan menurunkan kadar keputusan positif palsu terutama dalam kalangan pakar perubatan radiologi yang lebih junior," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab Wong Chen (**PH-Subang**) yang bertanyakan tentang perkembangan penggunaan AI dalam pengesanan kanser di hospital awam di negara ini.

Tambah Dzulkefly, pengujian di peringkat kajian lapangan dan penggunaannya secara lebih menyeluruh sudah bermula di Institut Kanser Negara (IKN) disusuli di Hospital Cyberjaya, Hospital Kajang dan Hospital Putrajaya.



DZULKEFLY menjelaskan kajian yang dibuat ketika ini adalah untuk menilai keberkesanan teknologi AI dalam membantu pakar perubatan.

Kad pengenalan versi baharu lebih canggih dengan ciri keselamatan

HARIAN
METRO
21/11

Kuala Lumpur: Kerajaan kini dalam fasa akhir memuktamadkan perolehan kad pengenalan generasi baharu dipertingkatkan dengan ciri keselamatan lebih canggih bagi menggantikan kad lama yang diperkenalkan sejak 2012.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, penggantian kad baharu itu bertujuan memastikan dokumen pengenalan diri dikeluarkan JPN mempunyai ciri keselamatan terkini, selamat dan dipertingkatkan selari teknologi keselamatan terkini.

Katanya, usaha itu juga antara langkah kerajaan bagi membendung kes cubaan memalsu dan menyalahgunakan kad pengenalan.

"Kad pengenalan generasi baharu ini dilengkapi ciri keselamatan lebih canggih dan diperbuat daripada bahan polikarbonat yang diuji ketahanan di makmal bertauliah serta dilengkapi cip keselamatan berkapasiti storan lebih besar dengan piawaian keselamatan dan penyulitan data dipertingkatkan.

"Reka bentuk kad baharu tampil lebih moden dengan elemen seperti laser dan hologram lebih maju selaras perkembangan teknologi terkini seluruh dunia.

"Langkah ini bertujuan

mengatasi dan memben-
dung pemalsuan kad pe-
ngenalan dan kebocoran
data pada masa depan," ka-
tanya pada sesi soal jawab
di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan asal dan tambahan **Manndzri Nasib (BN-Tenggara)** mengenai status terkini kad pengenalan generasi baharu yang diperkenalkan untuk mengatasi isu pemalsuan kad identiti kewarganegaraan.

Menjawab soalan tambahan **Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut)**, Shamsul Anuar berkata, JPN sentiasa menjalankan aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti pemalsuan dalam negara dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan lain.

"Sepanjang 2022 hingga 31 Oktober lalu, 2,103 operasi penguatkuasaan dilaksanakan di seluruh negara.

"Hasil operasi itu, JPN menahan 519 individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.

"Daripada jumlah itu, 195 individu didakwa membabitkan 135 memiliki kad pengenalan palsu manakala 60 lagi mempunyai kad pengenalan milik orang lain," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 21 NOV 2024

SIDANG DUN SELANGOR

Bekalan air di Selangor bertahan lebih 9 bulan

Shah Alam: Bekalan sumber air mentah di Selangor dijangka mampu bertahan lebih sembilan bulan pada musim kemarau yang dijangka lebih panjang pada 2025.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Izham Hashim berkata, selain simpanan air mentah di empangan, kerajaan negeri juga mengenal pasti 100 kolam serta tasik se-

bagai sumber alternatif tambahan.

"Kita dimaklumkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) bahawa kemungkinan besar berlaku kemarau besar pada 2025 dan 2026.

"Selain melihat sumber air sedia ada, kita juga mengenal pasti lebih 100 kolam dan tasik (sumber alternatif tambahan) yang mempunyai kapasiti

100 juta meter padu dan boleh bertahan sehingga tiga ke empat bulan.

"Empangan pula boleh bertahan antara empat ke lima bulan dan dengan air yang diambil dari negeri lain, maka kita berkemampuan menguruskan air dengan lebih baik.

"Kita juga berusaha melihat bagaimana agihan air dilakukan jika berlaku kemarau itu," katanya

pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Nushi Mahfodz (PN-Semenyih)** berkaitan persediaan kemungkinan musim kemarau pada 2025.

Dalam pada itu, Izham memaklumkan, paras air empangan di Selangor sehingga 4 November lalu melebihi tahap 90 peratus.

Shah Alam: Sebanyak 2,132 projek pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan diluluskan di Selangor sepanjang 2023 hingga Jun lalu berjumlah RM90.21 bilion, seterusnya mencipta 63,912 potensi peluang pekerjaan.

Exco Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti negeri, Ng Sze Han berkata, berdasarkan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida), 1,311 projek pelaburan dalam sektor pembuatan dan

Projek RM90.21 bilion cipta 63,912 peluang kerja

perkhidmatan diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM55.24 bilion sepanjang 2023.

"Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun lalu, 821 projek pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan diluluskan dengan nilai pelaburan RM34.97 bilion.

"Ia mencipta 20,241 potensi peluang pekerjaan

hasil kelulusan bagi projek pelaburan dalam sektor pembuatan.

"Sebanyak 43,671 potensi peluang pekerjaan tercipta melalui kelulusan projek pelaburan dalam sektor perkhidmatan," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan **Muhammad Ahmad**

Kassim (PH-Kota Damansara) dan **Dr Quah Perng Fei (PH-Bandar Baru Klang)** berkaitan dengan pelaburan dalam negeri.

Katanya, Selangor menyasarkan pelaburan RM50 bilion tahun ini dengan RM15 bilion dalam sektor pembuatan dan RM35 bilion lagi melalui sektor perkhidmatan.

Inisiatif baharu cetak cukai jalan fizikal

Kuala Lumpur: Kementerian Pengangkutan (MOT) mengumumkan satu inisiatif baharu tahun depan yang menawarkan pilihan kepada orang ramai sekiranya ingin mencetak cukai jalan dan lesen memandu secara fizikal seperti sebelum ini.

Menterinya, Anthony Loke berkata, perkara itu diputuskan selepas mendapati masih ada sege-lintir pihak mahu cukai jalan dan lesen memandu mereka dikeluarkan secara fizikal biarpun Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melaksanakan pendigitalan.

"Masih ada rungutan orang ramai yang ingin melihat atau mencetak

lesen atau cukai jalan me-reka.

"Dari segi itu, memang kita tambah baik...(jadi) awal tahun depan kita umumkan inisiatif kepada mana-mana pihak atau orang ramai yang ingin mencetak lesen mereka secara fizikal. Mereka mungkin kena bayar pencetakan itu untuk dapat kad fizikal," katanya dalam sesi soal jawab di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan

Syed Ibrahim Syed Noh

(PH-Le-dang) sama ada data menun-

jukkan keberkesanan pendigitalan memberikan penjimatan apabila kurangnya pencetakan.

Mengulas lanjut, Anthony berkata, sejak dilancarkan tahun lalu, Aplikasi Mobile MyJPJ dimuat turun 13.7 juta pengguna.

"Penggunaannya untuk membantu efisiensi orang ramai dan JPJ dilihat keberkesanannya dan ada penjimatan dari segi pencetakan kerana kita tidak perlu lagi cetak banyak.

"Dari segi transaksi

orang yang memperbaharui cukai jalan atau

lesen mereka pula memecah lebih 1 juta transaksi.

"Dari segi jumlah kutipan MyJPJ ini setakat 31 Oktober mencatat hampir RM121 juta," katanya.

Katanya, inisiatif pendigitalan diteruskan dengan penambahbaikan aplikasi MyJPJ dari semasa ke semasa.

"Dalam hal ini, cadangan penambahbaikan bagi mewujudkan fungsi notifikasi pemakluman tarikh tamat tempoh LKM antara yang direncanakan dalam agenda Pendigitalan JPJ.

"Fungsi ini dimaklumkan kepada umum apabila ia siap dibangunkan dan sedia diguna," katanya.

Sejak dilancarkan tahun lalu, Aplikasi Mobile MyJPJ dimuat turun 13.7 juta pengguna.

HARIAN METRO
Tarikh 1 NOV 2024

MyKad bakal berwajah baharu, lengkap ciri keselamatan

KUALA LUMPUR - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kini dalam fasa terakhir untuk memperkenalkan kad pengenalan atau MyKad generasi baharu bagi menggantikan dokumen ketika

ini yang telah berusia lebih 12 tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah berkata, langkah menggantikan kad baharu itu adalah

untuk memastikan ia mempunyai ciri keselamatan tinggi, selamat dan dipertingkat selari dengan perkembangan teknologi keselamatan terkini.

"Perolehan bagi kad pengenal-

an struktur baharu yang bakal menggantikan kad pengenalan sedia ada yang telah dikeluarkan kepada rakyat Malaysia sejak tahun 2012.

"Ia juga dapat membendung

sebarang insiden dan percubaan untuk memalsu dan menyalah guna kad pengenalan yang menjadi dokumen pengenalan diri utama di Malaysia," katanya di Dewan Rakyat semalam.

HARIAN METRO
Tarikh: 21 NOV 2024

PPR jadi asrama pekerja asing

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tiga daripada 10 penyewa projek perumahan rakyat (PPR) di Selangor dan ibu negara dikesan mengambil kesempatan untuk meraih untung atas angin dengan menyewakan semula unit mereka kepada warga asing.

Pertubuhan Sewaan Kediaman Kebangsaan (NHRA) mendedahkan, penyewa unit-unit PPR tersebut didapati

Tiga daripada 10 unit
disewa kepada warga
asing untuk raih untung
hingga RM3,000 sebulan

menyewakan semula rumah masing-masing kepada warga asing dengan kadar RM200 sebulan.

Biasanya satu unit disewakan kepada lebih 15 warga asing dengan itu penyewa asal meraih untung mudah hingga RM3,000 sebulan.

Sehingga Mac 2023, terdapat lebih 35 PPR di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Satu PPR dianggarkan menawarkan sehingga 300 sehingga lebih 1,500 unit rumah, mengikut rekaan bentuk dan kawasan dibinanya.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 21 NOV 2024

PPR jadi asrama pekerja asing

Dari muka 1

Pengerusi NHRA, Prakash P. Kalivanan berkata, warga tempatan hanya membayar sewaan PPR kepada kerajaan dengan kadar RM124 hingga RM250 sebulan.

Kata beliau, warga asing sudah mendominasi PPR tetapi jumlah sebenar tidak dapat dipastikan memandangkan mereka menyewa secara haram dengan warga tempatan, bukan kerajaan.

Jelas Prakash, situasi tersebut berlaku kerana pemilik atau penyewa PPR lebih memilih untuk menyewakan kepada warga asing bagi meraih keuntungan yang tinggi berbanding warga tempatan.

“Warga asing lebih menguntungkan kerana sewaan mengikut jumlah individu dan mereka sanggup berhimpit di dalam rumah yang kecil sehingga 20 orang dalam satu rumah yang membolehkan penyewa mengutip sewaan sehingga



PRAKASH P. KALIVANAN

RM3,000 sebulan.

“NHRA mencadangkan agar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan penguatkuasaan bagi memastikan rumah PPR tidak dijadikan asrama warga asing serta tiada pengubahsuaian penambahan bilik di PPR atau flat kos rendah sehingga ratio penghuni dan keluasan rumah tidak sesuai,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut beliau, PPR adalah inisiatif kerajaan untuk menye-

diakan rumah mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah, khususnya mereka yang tidak memiliki rumah sendiri.

Program ini diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Terdapat dua jenis PPR, iaitu PPR Disewa dan PPR Dimiliki.

PPR Disewa menawarkan rumah dengan kadar sewa rendah yang kebiasaannya sekitar RM124 sebulan, manakala PPR Dimiliki menjual rumah pada harga mampu milik iaitu bermula sekitar RM35,000 hingga RM45,000.

Sebelum ini, kerajaan telah melarang bagi setiap individu yang menetap di PPR untuk menyewakan kepada warga asing, malah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga memberikan amaran untuk menamatkan kontrak penama sekiranya terbukti berbuat tindakan demikian.

Mengulas lanjut, Prakash berkata, tindakan menyewakan PPR kepada warga asing akan mengundang pelbagai masalah.

“Antara masalah sosial yang dibawa oleh warga asing seperti vandalisme, pelacuran, jenayah jalanan seperti ragut, curi, rompak serta menjatuhkan menjatuhkan nilai hartanah,” katanya.

Beliau berkata, kebanyakan warga asing di rumah PPR atau flat kos rendah adalah disebabkan kegagalan majikan untuk menyediakan asrama yang bersesuaian untuk mereka.

“Hal ini boleh dielakkan dengan penguatkuasaan daripada jabatan yang terlibat yang perlu memastikan majikan menyediakan kediaman yang mencukupi sebelum diberi kelulusan pengambilan pekerja asing.

“Tindakan tegas juga perlu dikenakan jika didapati menggunakan sewaan kediaman seperti PPR sebagai asrama pekerja asing,” kata beliau.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 21 NOV 2024

Malaysia berdepan krisis tenaga buruh

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.ka@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Malaysia berdepan krisis tenaga buruh akibat penurunan kadar kelahiran yang ketara dalam tempoh lima dekad serta dijangka beralih kepada status negara tua lebih awal daripada jangkaan pada 2030.

Data menunjukkan kadar kesuburan rakyat Malaysia telah merosot daripada 6.7 kanakkanak bagi setiap wanita pada tahun 1957 kepada hanya 2.1 pada tahun 2010, sebelum jatuh lebih rendah kepada purata 1.6 anak bagi setiap wanita pada tahun 2022.

Penurunan ini semakin ketara apabila kadar kelahiran semasa bagi Malaysia pada 2024 mencatatkan 15,602 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk iaitu penurunan 1.71 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut laporan *Khazanah Research Institute* (KRI), penurunan kadar kelahiran ini turut menyumbang kepada penyusutan jumlah tenaga buruh iaitu individu berusia 15 hingga 64 tahun.

Situasi ini dijangka memberi kesan besar terhadap struktur ekonomi dan pembangunan negara terutama dengan peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia serta penurunan kadar kematian.

Mengulas mengenai perkembangan itu, Pengerusi Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr. Novel Lyndon berkata, trend penurunan kadar kelahiran berpotensi memberi kesan negatif terhadap struktur tenaga buruh negara.

Kata beliau, penurunan ini bukan sahaja mengurangkan tenaga kerja muda dalam jangka masa panjang, tetapi juga menjejaskan produktiviti dan daya saing Malaysia di peringkat global.

"Jika trend ini berterusan, negara mungkin bergantung sepenuhnya kepada buruh asing untuk memenuhi keperluan sektor kritikal seperti pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan.

"Kebergantungan ini boleh memberi kesan kepada kestabilan sosial dan ekonomi negara termasuk kebocoran kewangan



Situasi ini dijangka memberi kesan besar terhadap struktur ekonomi dan pembangunan negara terutama dengan peningkatan jangka hayat rakyat Malaysia serta penurunan kadar kematian."

apabila sebahagian besar pendapatan buruh asing dihantar ke negara asal mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Novel menggesa langkah segera diambil dengan memperkenalkan dasar proaktif seperti Dasar Keluarga Malaysia atau Dasar Satu Keluarga Lima Anak.

Beliau berkata, dasar ini bertujuan mempromosikan perkahwinan dan pembentukan keluarga besar khususnya dalam kalangan generasi muda.

"Pelbagai insentif kewangan termasuk subsidi perumahan untuk pasangan muda, potongan cukai kepada keluarga besar dan bantuan penjagaan anak bagi meringankan beban kewangan keluarga.

"Langkah ini dapat memberi manfaat kepada individu serta membantu Malaysia mengekalkan keseimbangan demografi dan memastikan kesinambungan tenaga kerja dalam menghadapi cabaran ekonomi global pada masa depan," katanya.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), peratus penduduk Malaysia berusia 60 tahun ke atas dijangka meningkat kepada 15 peratus menjelang 2030.

Statistik ini selaras dengan definisi negara tua iaitu apabila 15 peratus daripada penduduknya terdiri daripada mereka yang berusia 60 tahun ke atas.

Bahkan, Malaysia sebenarnya telah mencapai status negara tua sejak tahun 2020 apabila 7.2

peratus populasinya berusia 65 tahun ke atas seperti yang diunjurkan dalam laporan *Population Projection (Revised)*, Malaysia, 2010-2040.

Sementara itu, Pensyarah Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, krisis tenaga buruh adalah fenomena yang lazim dihadapi oleh negara membangun terutama apabila beralih ke arah status negara maju.

Kata beliau, peralihan ini meningkatkan keperluan tenaga buruh dalam sektor ekonomi tertentu sekali gus mencetuskan cabaran dalam memenuhi permintaan tersebut.

"Dalam konteks Malaysia, kesan krisis ini masih terawal namun dalam jangka masa panjang, jika kebolehpasaran graduan institusi pengajian tinggi tidak diberi perhatian sepenuhnya, ia boleh menggugat struktur ekonomi negara.

"Krisis ini juga boleh menambah tekanan terhadap krisis tenaga buruh dalam sektor yang memerlukan kepakaran dan kemahiran tinggi," katanya.

Bashir Ahmad berkata, persebaran Malaysia dalam menghadapi cabaran ketidakseimbangan demografi bergantung pada keberkesanan dasar dan polisi semasa kerajaan dalam merangka hala tuju ekonomi dan pembangunan negara.

"Dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang, dasar kerajaan perlu menyediakan peluang kepada warga emas yang masih berupaya untuk terus menyumbang kepada ekonomi.

"Langkah ini penting untuk memastikan pengalaman dan kepakaran mereka dimanfaatkan, seperti yang diamalkan di negara maju," jelasnya.

Tambah beliau, pada masa yang sama, kerajaan juga perlu memperkasa golongan muda dengan kepakaran dan kemahiran tinggi bagi memastikan mereka mampu bersaing dalam pasaran kerja.

"Sekiranya kedua-dua aspek ini tidak diberi perhatian, negara berisiko menghadapi jurang produktiviti yang ketara.

"Jurang ini bukan sahaja melibatkan perbezaan antara tenaga kerja tempatan dan asing, tetapi juga antara generasi muda dan tua," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 21 NOV 2024



MELALUI Belanjawan 2025, kerajaan mempersiapkan generasi muda sebagai modal insan yang berkualiti, berdaya tahan dan inovatif.

Belanjawan 2025: Terus perkasa golongan belia

BELANJAWAN 2025 menunjukkan komitmen kukuh kerajaan dalam membina masyarakat yang sejahtera dan lestari dengan meletakkan golongan belia sebagai tonggak pembangunan masa depan.

Belanjawan berkenaan dirangka dengan menawarkan pelbagai inisiatif berfokus untuk mengukuhkan kemahiran, menyokong pendidikan dan mempertingkatkan ekonomi digital yang berupaya mengangkat kedudukan belia Malaysia dalam pelbagai bidang.

Pembangunan usahawan muda melalui program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) mampu memupuk sifat keusahawanan dalam kalangan belia terutamanya apabila kerajaan memperuntukkan RM20 juta bagi memperkasakan program berkenaan.

Program itu tidak hanya menawarkan modal kepada peserta, tetapi juga bimbingan untuk memastikan mereka mampu mengendalikan perniagaan secara berkesan.

Malah kerajaan turut berusaha memperkasakan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan peruntukan RM7.5 bilion kepada pendidikan TVET, menerusi bidang keutamaan seperti teknologi semikonduktor, automasi dan aeroangkasa menjadi fokus utama.

Dengan peluang latihan kemahiran dan teknikal yang ditawarkan, belia kini boleh memasuki sektor pekerjaan yang berdaya saing.

Sebagai sokongan, program kerjasama dengan industri yang menawarkan peluang latihan praktikal dan khidmat nasihat berkala di lapangan juga akan meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja belia di Malaysia.

Bukan itu sahaja, inisiatif kemudahan pengangkutan percuma bagi mahasiswa institusi pengajian tinggi seperti di universiti, kolej komuniti dan matrikulasi

turut diberikan tambang percuma melalui perkhidmatan BAS.MY.

Kerajaan juga disarankan untuk memastikan Program Pembangunan Bakat Khazanah (K-Youth) berkesan selepas memperuntukkan RM200 juta bagi menyediakan latihan kepada 11,000 bakat tempatan, khususnya dalam sektor berteknologi tinggi seperti industri semikonduktor.

Latihan bersama pakar dan penglibatan dalam projek industri sebenar dapat mengasah kemahiran teknikal belia dan membuka peluang jaringan profesional.

Bagi memastikan peruntukkan RM20 juta kepada Ekosistem e-Sukan dan Kreativiti Digital membuahkan hasil, penglibatan belia dalam komuniti e-sukan boleh diperkasa melalui penyediaan ruang latihan komuniti atau pusat e-sukan di peringkat daerah.

Pertandingan e-sukan tempatan yang dijalankan di kampus universiti juga dapat menonjolkan bakat muda dan memberikan laluan kepada mereka untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Dengan dana RM65 juta disalurkan kepada Cradle Fund dengan sokongan kepada Keusahawanan Digital dan pemula, belia kini mempunyai peluang untuk mengembangkan idea dalam sektor teknologi dan inovasi.

Inisiatif seperti hackathon atau pertandingan inovasi peringkat kebangsaan yang dianjurkan universiti dan agensi berkaitan boleh menjadi pemangkin kepada penghasilan lebih banyak syarikat permulaan tempatan dalam kalangan belia.

DR. NOR AZRUL MOHD. ZIN

Pensyarah Kanan
Pusat Kajian Pembangunan,
Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 21 NOV 2024

THERE is a new mall in the Klang Valley that embraces an open concept design, creating a unique retail experience amid lush greenery.

Elmina Lakeside Mall features a biophilic design, blending nature with modern retail spaces in the heart of Elmina township in Shah Alam, Selangor.

The mall occupies an area of over 7ha, including 2ha of space for retail, dining and recreation.

Its nature-inspired concept is complemented by its proximity to the sprawling 14ha Elmina Urban Park and a tranquil lake, creating an inviting and serene atmosphere.

The mall's design minimises

Shah Alam lifestyle hub inspired by nature

the need for artificial lighting and climate control, resulting in a lower carbon footprint.

The place also prioritises eco-friendly initiatives, such as segregation of recyclable materials and food waste management as well as adopts energy-efficient technologies such as solar panels and LED lighting.

Among the more than 100 stores and services are three drive-through restaurants, adding ease for on-the-go shoppers.

The shopping centre had its soft opening in early September.



The mall and park's designs include distinctive architectural elements, such as this striking lookout point.

— Photos:
YAP CHEE
HONG/The
Star



Elmina Lakeside Mall integrates lush greenery and abundant natural light, harmonising indoor and outdoor spaces.



The sprawling 14ha Elmina Urban Park includes a fun playground to keep children entertained.



The mall occupies only a single level, making it accessible to all visitors.

Police, JPJ can check road tax validity digitally

ALL enforcement personnel from the police and Road Transport Department (JPJ) are equipped with sufficient devices to verify the validity of vehicle road tax, says Transport Minister Anthony Loke.

He said police and JPJ personnel no longer need to physically check the road tax sticker in vehicles.

"Enforcement agencies can now verify whether a vehicle has

a valid road tax simply by entering the number plate," Loke said in the Dewan Rakyat yesterday.

He noted that 13.7 million people have downloaded the MyJPJ app, while 10.7 million have registered for the JPJ e-ID.

"This means that at least 10 million individuals are actively using the MyJPJ app," he said, adding that this supports the country's digitalisation efforts.

Loke emphasised that the ministry remains committed to the digitalisation process.

"We will continue exploring other improvements so that this digitalisation process can continue and further enhance the efficiency of government departments," he said.

The digital road tax system has been in effect since February last year. Loke said that sometime

next year, the Transport Ministry may impose a fee on those who require a physical copy of their driving licence.

"We will announce an initiative for those who still want a physical licence. They may have to pay for the printing of the physical card," said Loke.

However, he did not specify the cost that would be imposed on the physical driving licence.

2 THE STAR
27 NOV 2024

Tarikh:

Bukan mangsa mahu bantuan bencana

SIDANG DUN SELANGOR



Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM — Ramai pemilik rumah dikesan mengambil kesempatan dengan melakukan permohonan bantuan meskipun mereka bukan mangsa bencana.

Exco Pengurusan Bencana Selangor, Mohd. Najwan Halimi berkata, ini menyebabkan berlaku kelewatan pembayaran sumbangan kepada individu yang benar-benar terkesan.

"Mereka ini bukan kena bencana, tetapi kemungkinan tinggal di kawasan tersebut dan banyak contoh adalah tuan rumah.

"Apa yang tinggal adalah penyewa yang sepatutnya permohonan, namun tuan rumah ambil kesempatan dan memohon juga. Ada banyak berlaku kes sebegini.

"Kalau kes kebakaran, tuan rumah boleh berbincang dengan penyewa untuk lakukan tuntutan, namun perlu ada dokumentasi seperti pengesahan itu adalah rumahnya.



MOHD. NAJWAN

"Kalau penyewa buat tuntutan, perlu maklumkan mereka penyewa dan mendapat pengesahan daripada tuan rumah selain laporan polis dan bukti-bukti berlaku kebakaran dan terus hantar ke unit bencana sebelum diproses mengikut prosedur yang ditetapkan," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, di sini semalam.

Terdahulu, Datuk Noorazley Yahya (PN - Bukit Melawati) ingin mengetahui perancangan kerajaan bagi memudahkan permohonan dan pemprosesan permohonan untuk mangsa bencana termasuk banjir.

Kata Najwan yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, antara

punca lain kelewatan pembayaran disebabkan dokumen yang tidak lengkap, bukan warganegara dari permohonan bertindih daripada mangsa dan waris.

Justeru kata beliau, antara langkah penyelesaian dilaksanakan adalah dokumen laporan polis dibuat secara berkumpulan untuk satu-satu kawasan yang terkesan akibat bencana.

"Sebanyak RM50,000 disediakan dalam tabung bencana peringkat daerah.

"Ini bagi memudahkan pengeluaran dan penyerahan bantuan kepada mangsa, selain peruntukan tambahan khas bagi bencana besar dalam tempoh tujuh hari setelah dokumen lengkap diperoleh daripada Pejabat Daerah dan Tanah," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bantuan bencana bagi banjir termenung adalah RM500 dan banjir kilat tidak melibatkan pemindahan mangsa sebanyak RM250 yang merupakan kadar maksimum setahun.

"Bagi kes kebakaran yang musnah keseluruhan sebanyak RM500 dan musnah sebahagian (RM250), manakala mangsa tanah runtuh serta ribut berjumlah RM500.

"Peruntukkan bantuan kepada waris mangsa bencana yang meninggal dunia adalah sebanyak RM1,000," katanya.

KOSMO

21 NOV 2024

Tarikh: